



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/20/(4)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2016

PENAMBAHBAIKAN DASAR PENETAPAN GAJI PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN ATAU PERTUKARAN SEMENTARA DI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

TUJUAN

1. Pekeling perkhidmatan ini bertujuan untuk menambahbaik dasar penetapan gaji bagi pelantikan secara peminjaman atau pertukaran sementara di Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 12/2015 - Dasar Penetapan Gaji Pelantikan Secara Peminjaman Atau Pertukaran Sementara Di Perkhidmatan Awam Negeri Sabah berkuat kuasa pada 20 November 2015.

3. Pelantikan pegawai secara peminjaman atau pertukaran sementara adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kepentingan kerajaan bagi membantu memantapkan operasi sesebuah agensi dengan berbekalkan kemahiran, kewibawaan dan pengalaman yang sesuai. Sehubungan itu, peminjaman atau pertukaran sementara atas permintaan sendiri tidak digalakkan.

SYARAT PEMBERIAN INSENTIF

4. Pemberian insentif peminjaman atau pertukaran sementara adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

4.1 Peminjaman atau pertukaran sementara adalah atas keperluan perkhidmatan dan kepentingan kerajaan di mana kepakaran, kemahiran dan pengalaman seseorang pegawai itu amat diperlukan dan kritikal untuk pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di agensi penempatan pegawai.

4.2 Peminjaman atau pertukaran sementara atas permintaan sendiri tidak layak dibayar insentif ini. Dalam keadaan ini, gaji pegawai akan kekal berdasarkan gaji di jawatan hakiki.


PEMAKAIAN

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekelliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 12/2015.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **20 November 2015**.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **03 FEBRUARY 2016**

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah